

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 17 MAC 2009, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 17

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1221-L17980
Dato' Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai kebanjiran pekerja asing masih lagi menjadi masalah di negara kita. Apakah tindakan Kerajaan terhadap majikan yang melebihi kuota dalam pengambilan pekerja ini.
2. PR-1221-L18019
Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan subsidi kepada penternak ikan yang diperuntukkan 1 kg = RM1.60 manakala kepada nelayan yang keluar ke laut hanya diperuntukkan 1 kg = RM0.10.
3. PR-1221-L16903
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diusahakan bagi mengekalkan bangunan warisan di seluruh negara.
4. PR-1221-L17838
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah peratus pelajar-pelajar yang gagal dan diberhentikan dari institusi-institusi pengajian tinggi awam sepanjang tempoh 2005 hingga 2008.

- Ahrum bin Osman [Lipis]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah bentuk baru dalam menjenamakan Kempen Beli Produk Malaysia bagi merencanakan pertumbuhan permintaan domestik sekali gus merangsang pertumbuhan ekonomi negara ketika berlaku krisis ekonomi dunia sekarang.
6. PR-1221-L16671
Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kementerian Kesihatan bercadang menyemak semula faedah-faedah kerja lebih masa bagi ahli-ahli farmasi yang berkhidmat di hospital-hospital awam, supaya mereka juga dapat menikmati bayaran kerja lebih masa seperti doktor-doktor perubatan dan bukan hanya diberi pampasan dengan cuti tambahan sahaja.
7. PR-1221-L18300
Dato' Lee Chee Leong [Kampar] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan tentang bilangan pelajar sekolah yang terlibat dalam pelbagai kegiatan jenayah dan gengsterisme semakin meningkat. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah kritikal ini.
8. PR-1221-L18009
Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah tindakan dan program yang dilaksanakan di peringkat Kementerian untuk menangani masalah sosial yang berkaitan dengan Mat Rempit yang merupakan antara masalah yang paling utama yang membelenggu golongan belia di negara ini.
9. PR-1221-L16507
Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh Kementerian untuk memastikan pengusaha-pengusaha spa mempunyai pengetahuan asas tentang kesihatan, penjagaan kulit dan ubat-ubatan sebelum mereka diberi kelulusan oleh Pihak Berkuasa Tempatan menjalankan perniagaan spa.
10. PR-1221-L17096
Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan berapa banyak Apparatus Assignment (AA) telah dikeluarkan daripada 2004 hingga 2008 dan kenapa banyak pelesen NFP dan NSP rungut mereka tidak dapat melaksanakan projek perkhidmatan kepada pengguna walaupun terdapat demand yang bertaraf komersial.

- Joseph Pairin Kitingan [Keningau]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai cadangan untuk menaik taraf Balai Polis Tambunan kepada Ibu Pejabat Polis Daerah.
12. PR-1221-L17630
Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah kolej-kolej swasta yang telah ditutup di seluruh negara kerana tidak berdaya maju dan apakah strategi Kerajaan untuk membantu kolej-kolej swasta ini.
13. PR-1221-L17290
Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian dalam menangani malah kegelisahan ramai kakitangan Perpustakaan Awam Peringkat Negeri, Daerah dan Desa di seluruh negara yang sebahagian besarnya masih berjawatan Kontrak dan Sambilan apakah pecahan perjawatan mengikut negeri-negeri.
14. PR-1221-L17758
Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejauh manakah kebenaran dakwaan pihak-pihak tertentu mengenai beberapa produk yang dikaitkan dengan syarikat-syarikat Amerika yang dipercayai menyumbang kepada rejim Zionis dan apakah pendirian Kerajaan terhadap urus niaga produk-produk ini di dalam negara ini sekiranya dakwaan ini benar.
15. PR-1221-L17031
Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan mengenai status kedatangan pelancong dari Timur Tengah ke negara ini dari tahun 2004 hingga 2008 dan apakah usaha-usaha yang dilakukan bagi menggalakkan pelancong ke negeri-negeri lain selain di ibu negara.
16. PR-1221-L17246
Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah perbelanjaan untuk program Harm Reduction, jumlah klinik yang terlibat, jumlah penagih yang dapat dipulihkan dan apakah ada klinik yang didapati menjual methadone secara haram.

- ohamed Said [Kuala Krau]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah peratusan pertumbuhan ekonomi negara yang perlu dicapai bagi mencapai matlamat Wawasan 2020, memandangkan kadar pertumbuhan ekonomi yang dicadangkan sebanyak 7 hingga 8 peratus telah jauh ketinggalan.
18. PR-1221-L17732
Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan bilangan pelancong yang datang ke Sabah bagi tahun 2004 hingga 2008 dan dari negara manakah pelancong-pelancong ini datang. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan pelancong asing untuk melancong di Sabah.
19. PR-1221-L17105
Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah sebenar pemegang lesen bagi perniagaan barangan lusuh/terpakai (second hand goods dealer) di seluruh Malaysia mengikut negeri sejak tahun 2000 hingga sekarang dan apakah syarat untuk memohon lesen tersebut.
20. PR-1221-L17339
Tuan Manikavasagam A/L Sundaram [Kapar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah tenaga kerja di Jabatan Kerajaan dan berikan peratusan mengikut kaum dan gred bagi tahun 2005 hingga 2008.
21. PR-1221-L16845
Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bolehkah Kementerian menyediakan peruntukan khas bagi pentadbiran JKKK dan peruntukan pengurusan jalan-jalan kampung.
22. PR-1221-L18146
Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan bagi memastikan harga getah dan kelapa sawit stabil dalam pasaran.
23. PR-1221-L18123
Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sehingga 2007 seramai 80,938 orang menghidap HIV, 13,635 penghidap AIDS dan 11,539 penghidap AIDS telah meninggal dunia. Penghidap HIV/AIDS wanita telah meningkat dari 1.1% kepada 16.3% dan adakah ujian saringan HIV/AIDS yang diwajibkan kepada pasangan Islam dapat menyelamatkan wanita dari terus menjadi mangsa.

- Idiez [Seremban]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah penagih dadah di seluruh negara mengikut pecahan Negeri, Jantina, Umur dan Bangsa.
25. PR-1221-L18381
Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah hubung kait kemelut dunia dengan kekuatan ekonomi Amerika Syarikat dan apakah penggunaan mata wang dinar emas akan dapat mencegah ekonomi negara Islam khususnya daripada terus berpaut kepada sistem kewangan Barat yang berat sebelah
26. PR-1221-L18045
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan jumlah pelancong ke Malaysia yang tidak termasuk pelancong dari Singapura, Thailand dan Indonesia mengikut pecahan tahun 2005, 2006, 2007 dan 2008. Apakah sasaran jumlah kedatangan pelancong bagi Kementerian pada tahun ini dan tahun hadapan.
27. PR-1221-L18258
Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah bilangan pelajar asing yang telah ditangkap kerana bekerja tanpa permit pada tahun 2007 dan tahun 2008. Namakan Kolej-Kolej Swasta di mana mereka tersebut belajar.
28. PR-1221-L16762
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan ke negeri Kelantan mengikut kawasan Parlimen dan jenis peruntukan sejak tahun 1990 hingga kini.
29. PR-1221-L17149
Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada graduan universiti yang berkelulusan pendidikan adalah berkelayakan untuk dilantik untuk menyandang jawatan guru besar sekolah rendah. Sekiranya tidak, apakah sebabnya. Sekira ya, apakah taraf kelayakan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan untuk menyandang jawatan guru besar sekolah rendah.
30. PR-1221-L17514
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah persediaan Kerajaan untuk membantu rakyat yang menghadapi berbagai masalah berikutan krisis ekonomi melanda dunia sejajar dengan langkah-langkah yang diambil oleh banyak negara di dunia.

- Chan Onn [Alor Gajah]** minta **MENTERI MELAYAN PERSEROTUAN** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat menjadikan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebuah badan yang lebih mesra rakyat (people friendly) kerana dalam persepsi rakyat DBKL adalah satu agensi yang kurang memahami masalah rakyat, terutama peniaga-peniaga.
32. PR-1221-L18066
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah keuntungan tahunan Pelabuhan Pulau Pinang, Melaka, Klang, Kuantan dan Tanjung Pelepas sejak tahun 2000 dan jumlah perbelanjaan Kerajaan untuk tempoh masa sama. Apakah rancangan untuk memulihkan pelabuhan Pulau Pinang termasuk juga pusat penangkapan ikan tuna dan 'barter trading'.
33. PR-1221-L17748
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah pihak Kementerian merancang untuk mendalamkan bahagian muara di Sungai Kemena untuk kemudahan kapal masuk-keluar.
34. PR-1221-L16934
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah pengusaha lori mengenakan caj tambahan sewenang-wenangnya bagi barang yang diangkut dan apakah kuasa Kementerian mengawal tindakan pengusaha ini supaya tidak membebankan pengguna.
35. PR-1221-L17914
Puan Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menukar kalendar permulaan persekolahan memandangkan negara kita selalu dilanda banjir pada bulan Januari setiap tahun dan sebanyak 119 sekolah di negeri Sarawak terpaksa ditutup baru-baru ini.
36. PR-1221-L16651
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan dan prosedur serta langkah yang telah diambil dalam mengatasi penyelewengan penyelenggaraan kenderaan rasmi Kerajaan Perdana Executive sebagaimana berlakunya di Terengganu dan Perak sehingga menimbulkan ketidak yakinan kepada Kereta Nasional.

- in Khalid [Padang Besar]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejak tahun 2000 hingga 2008 berapakah jumlah syarikat pemaju perumahan yang diberi kelulusan pembangunan di seluruh jajaran Bukit Ampang dan berapa dari mereka yang keluasan tanahnya kurang dari 50 ekar. Berapa % dari mereka yang mendapat kelulusan EIA.
38. PR-1221-L18290
Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan Memandangkan Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 telah digubal untuk mengawal penggunaan tanah, tidakkah perlu Kanun Tanah Negara dipinda supaya fungsi mengawal penggunaan tanah diletakkan bawah undang-undang perancangan dan bukan undang-undang tanah lagi.
39. PR-1221-L16612
Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah jumlah bantuan kewangan yang telah dipohon dan diberi semenjak tahun 2004 bagi menolong sekolah-sekolah bantuan Kerajaan seperti sekolah SJKT, SJKC, Mubaligh, Agama dan lain-lain mengikut negeri di negara ini.
40. PR-1221-L17626
Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membuka peluang kepada rakyat Malaysia membuat pendaftaran Pemilih secara online.
41. PR-1221-L16743
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) kewajaran serta kepentingan sistem kepolisian negara dalam membendung masyarakat majmuk di negara kita; dan
 - (b) langkah Kerajaan dalam menaik taraf bangunan serta tempat kediaman anggota polis Diraja Malaysia terutamanya di daerah Kinabatangan.
42. PR-1221-L17028
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Pelan Induk Dasar Pengangkutan Awam dan Dasar Pengangkutan Negara akan siap disediakan dan siapakah pakar-pakar luar yang dilantik dalam penyeliaan dasar-dasar ini dan kos keseluruhan yang terbabit.

- Abdul Rashid Shirlin [Papar]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengenai perkembangan Dewan Nur yang dicadangkan untuk dibina di kawasan yang telah dikenal pasti dengan kos RM4 juta seperti yang dijanjikan untuk dilaksanakan dalam RMK-9 dan sepatutnya bermula tahun lalu.
44. PR-1221-L17375
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan membina hospital Kerajaan di kawasan lingkungan Petaling Jaya dan Kelana Jaya memandangkan kepadatan penduduk yang semakin meningkat di kawasan tersebut di mana terdapat ramai golongan menengah bawahan dan golongan berpendapatan rendah yang kebanyakan tidak mampu untuk mendapatkan rawatan daripada hospital-hospital swasta yang mengenakan cas perkhidmatan yang tinggi.
45. PR-1221-L17668
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan merancang untuk meningkatkan mutu perkhidmatan imej perkhidmatan teksi, yang boleh dianggap sebagai frontline sektor pelancongan kerana para pelancong ke negara kita meletakkan perkhidmatan teksi Malaysia sebagai yang paling buruk dari segi kualiti, layanan, kekerapan khidmat dan kemahiran perkhidmatan.
46. PR-1221-L18169
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah bercadang menjemput Ahli-ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang menghadiri sesi eksesais ATM dan mengatur seminar pertukaran pandangan hala tuju ATM supaya meningkatkan lagi pendidikan dan kefahaman pertahanan nasional kepada Ahli Parlimen.
47. PR-1221-L17816
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik kadar kelulusan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman (C.L.P.) setiap tahun bagi lima tahun yang lepas dan nyatakan sekiranya ada sistem kuota bagi peperiksaan tersebut.
48. PR-1221-L17943
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah kekurangan doktor di Hospital Daerah Segamat dapat diatasi.

50. PR-1221-L18355
Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hasil rundingan atau perbincangan Y.A.B Perdana Menteri dengan rakan sejawat dari Indonesia mengenai keselamatan sempadan Malaysia / Indonesia tahun lepas, terutama sekali di Sri Aman, Sarawak.
51. PR-1221-L16832
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan dalam memastikan kapal-kapal kargo milik Malaysia selamat terutamanya ketika belayar berdekatan perairan yang mempunyai risiko tinggi terutama aktiviti lanun yang aktif.
52. PR-1221-L16521
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- berapakah jumlah lesen laut dalam (deep sea fishing) yang telah dikeluarkan di negara ini sejak tahun 2000 dan pecahan pemilikan ekuitinya; dan
 - di negeri Sabah, berapakah jumlah lesen tersebut dikeluarkan dalam tempoh dan pecahan pemilikan ekuiti.
53. PR-1221-L16763
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan definisi sebenar yang digunakan untuk mengukur kadar kemiskinan dalam mengimplementasikan pelbagai program di dalam RMK-9.
54. PR-1221-L18231
Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- dasar-dasar dan faktor-faktor penting dalam perhitungan penyusunan ~~%~~ National Airport Masterplan+ yang antara lainnya telah dikatakan memperuntukkan sebanyak 10,000 hektar tanah untuk lapangan terbang; dan

an kepentingan kriteria elusteringq dalam menjaga software and hardware connectivityq supaya sesebuah lapangan terbang sama ada LCCT (contohnya Labu) atau lapangan terbang biasa mampu berdaya saing.

55. PR-1221-L16918
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah usaha Kerajaan menguatkuasakan pengilang dan pengimport makanan untuk melabelkan makanan dalam kategori Genetically Modified Food sebagai informasi kepada pengguna. Adakah Kerajaan mempunyai penerangan kepada pengguna Malaysia mengenai GM Food.
56. PR-1221-L18054
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasil laporan daripada pakar jenayah daripada sebuah universiti tempatan untuk menyelidik kadar jenayah di Malaysia untuk memberi keyakinan kepada rakyat bahawa Malaysia adalah lebih selamat daripada negara seperti Jepun dan Hong Kong seperti yang diumumkan oleh Menteri pada 4hb Disember.
57. PR-1221-L16584
Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan membuat penetapan bonus kakitangan awam berdasarkan kepada KDNK dan bagaimana Kerajaan boleh menggalakkan lagi produktiviti mereka sentiasa meningkat supaya sepadan dengan bonus yang dibayar.
58. PR-1221-L18348
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah Akta Pilihan Raya masih tidak diteliti semula bagi membolehkan lebih kuasa diberi kepada Suruhanjaya Pilihan Raya untuk memastikan setiap pilihan raya dijalankan tanpa politik wang dan penyalahgunaan jentera pentadbiran.
59. PR-1221-L18260
Datuk Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sama ada Kementerian akan meneruskan cadangan untuk mendirikan pusat pembekalan / depot minyak di kawasan luar bandar.
60. PR-1221-L18237
Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah kos pembinaan projek naik taraf Jalan FT5 dari Kapar ke Klang, perkembangan projek dan masalah yang dihadapi dan adakah Kementerian akan meluluskan bajet tambahan RM11 milion yang diminta oleh kontraktor.

- Datuq Richard Riut anak Jaem [Serian]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jenis bantuan yang telah, sedang dan akan diberikan kepada mangsa-mangsa banjir baru-baru ini di negeri Sarawak lebih lagi petani-petani dan pesawah-pesawah padi yang sawah padi atau kebun mereka yang musnah sama sekali.
62. PR-1221-L17952
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah tahanan di Kem Simpang Renggam; dan
 - (b) berikan pecahan mengikut kesalahan, keturunan dan berapa ramai yang paling lama ditahan.
63. PR-1221-L17525
Dato' Seri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji kembali unjuran pertumbuhan ekonomi negara tahun ini memandangkan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat dan dunia kini makin ketara. Apakah Kerajaan juga akan mengkaji semula pakej rangsangan ekonomi negara, selaras dengan pertambahan pakej stimulus yang dilaksanakan oleh negara-negara lain bagi menjamin kestabilan ekonomi negara-negara tersebut.
64. PR-1221-L16996
Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sementara Amerika Syarikat, Jepun, China dan Singapura mengalami kemelesetan pertumbuhan ekonomi, apakah kelebihan dan kekuatan Malaysia untuk dapat bertahan dan mohon diterangkan strategi khusus bagaimana Malaysia menghadapi kesan kemelesetan ekonomi dunia dengan tidak menimbulkan kemudaratan terhadap kehidupan rakyat.
65. PR-1221-L17469
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah guru-guru sambilan perkhidmatan untuk tahun ini di semua aliran pelajaran dan di antara mereka ini berapa orang yang mempunyai ijazah sarjana. Sila nyatakan juga perbezaan gaji dan pendapatan di antara kedua-dua kategori ini.

Marimuthu [Telok Intan] minta MENTERI

PELAJARAN menyatakan :-

- (a) apakah dasar Kementerian penempatan murid-murid di sekolah menengah di tingkatan 1, selepas sekolah rendah. Adakah mereka ditempatkan di sekolah yang berdekatan dengan rumah kediaman mereka atau kriteria lain digunakan; dan
 - (b) di Teluk Intan (dan saya percaya di tempat lain juga), terdapat kaedah di mana murid-murid dari lepasan sekolah Tamil tidak diberi tempat di sekolah-sekolah seperti SMK Convent Perempuan, SMK Horley Methodist, SMK Seri Perak, SMK Sultan Abdul Aziz dan SMK St. Anthony. Adakah penempatan di sekolah-sekolah tertentu atau dipilih berdasarkan kepada kaum.
67. PR-1221-L16675
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah pihak Kementerian telah mengemukakan satu kertas rangka kaedah baru yang lebih berkesan dalam pembelajaran bahasa Inggeris termasuk dalam pengajaran dan amalan bahasa Inggeris.
68. PR-1221-L17784
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan telah membuat keputusan untuk melanjutkan program pembayaran rebat RM625 setiap kenderaan bawah 2,000cc selepas tempoh asal tamat hujung Mac ini.
69. PR-1221-L18306
Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan perkembangan pembangunan 6 buah SJK (C) baru pada 30 Januari 2009 sejak Julai 2008.
70. PR-1221-L17229
Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tanggungjawab utama Lembaga Sungai-sungai Sarawak. Adakah terdapat peruntukan untuk menangani masalah hakisan tebing sungai yang diakibatkan oleh penggunaan kapal tunda dan kapal-kapal bersaiz besar dan sederhana di sungai. Adakah terdapatnya peraturan yang ditetapkan untuk pemandu kapal agar dapat mengurangkan hakisan ini.

- Tuan Haji Devaraj [Sungai Siput]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa bilangan rumah murah baru yang perlu ada pada masa ini untuk memastikan setiap keluarga dapat memiliki rumah sendiri. Adakah cadangan untuk menyediakan rumah kos rendah untuk disewa pada keluarga-keluarga yang tidak mampu membeli rumah tersendiri pada takat ini.
72. PR-1221-L17244
Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan usaha yang telah diambil oleh Kerajaan bagi membantu petani kecil yang terjerumus ke dalam kesusahan akibat daripada kejatuhan harga komoditi utama seperti getah dan kelapa sawit.

PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
PERMULAAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar**

- * Rang Undang-undang Pelantar Benua (Pindaan) 2009

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

DAN MESYUARAT DAN USUL-USUL.

1. **Menyambung semula Pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2009) 2009 (D.R. 2/2009) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2009 seperti berikut :**

%BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima bilion ringgit (RM5,000,000,000) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2009, bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2009 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2009 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut+.

Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis (16 Mac 2009)

2. (D.R. 3/2009) Rang Undang-undang Perbekalan **Bacaan Kali**
Tambahan (2008) 2009 **Yang Kedua**

DAN

YAB Menteri Kewangan akan mencadangkan :-

%BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak dua bilion tiga ratus empat puluh satu juta enam ratus tujuh puluh tujuh ribu empat ratus ringgit (RM2,341,677,400) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2008, bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2008 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2009 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut+.

3. (D.R. 5/2009) Rang Undang-undang Cukai Pendapatan **Bacaan Kali**
(Pindaan) 2009 **Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

4. (D.R. 4/2009) Rang Undang-undang Suruhanjaya %
Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009

eri Dalam Negeri]

5. (D.R. 31/2008) Rang Undang-undang Perlindungan Saksi 2008. %oo

[Perdana Menteri]

6. (D.R. 30/2008) Rang Undang-undang Jawatankuasa Etika Hakim 2008. %oo

[Perdana Menteri]

7. (D.R. 14/2008) Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2008. %oo

[Menteri Pengajian Tinggi]

8. (D.R. 15/2008) Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008. %oo

[Menteri Pertahanan]

9. (D.R. 19/2008) Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008. %oo

[Menteri Kewangan]

10. (D.R. 28/2008) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2008 %oo

[Perdana Menteri]

11. (D.R. 18/2008) Rang Undang-undang Orang-orang Papa (Pindaan) 2008. %oo

[Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat]

12. (D.R. 20/2008) Rang Undang-undang Makanan Haiwan 2008. %oo

[Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani]

13. (D.R. 26/2008) Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2008. %oo

[Menteri Pengangkutan]

Undang-undang Bank Kerjasama
t Malaysia Berhad (Peruntukan
(Pindaan) 2008. %o

**[Menteri Pembangunan Usahawan dan
Koperasi]**

15. (D.R. 13/2008) Rang Undang-undang Identifikasi Asid
Deoksiribonukleik (DNA) 2008 . %o
**Pertimbangan dalam Jawatankuasa
sebuah-buah Majlis (28 Ogos 2008)**
[Menteri Dalam Negeri]

16. (D.R. 1/2009) Rang Undang-undang Fi (Majlis Latihan **Bacaan Kali**
Pertanian Kebangsaan) (Pengesahan) **Yang Kedua**
2009

**[Menteri Pertanian dan Industri Asas
Tani]**

17. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan subperenggan 8 (3)(a)(iv) Akta
Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju
supaya Kerajaan menukarkan pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak
RM30 juta kepada Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd. (KMPSB), suatu
syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) kepada
ekuiti.+

18. PR-1221-U16540
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini, mengambil maklum bahawa fenomena pemanasan
dunia (Global Warming) sejak akhir-akhir ini telah menjadi begitu serius
dan negara Malaysia tidak terkecuali daripada hambatan fenomena ini.
Dan mengambil maklum bahawa sejak beberapa tahun kebelakangan ini,
keadaan cuaca negara kita tidak lagi menentu di mana hujan dan panas
tidak lagi bermusim. Keadaan ini telah menyebabkan kejadian banjir kilat,
tanah runtuh dan banyak lagi kemusnahan alam sekitar yang lain. Dan
mengambil maklum bahawa, kesan pemanasan dunia ini telah
menyebabkan suhu air laut meningkat yang mana menyebabkan paras air
laut meningkat dan kemusnahan terumbu-terumbu karang yang
dahulunya menjadi sarang pembiakan hidupan marin. Dan mengambil
maklum bahawa akhir-akhir ini, akibat daripada fenomena ini, ramai jiwa
yang tidak berdosa juga turut terkorban.

hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk meminda dan menguatkuasakan undang-undang, sama ada yang sedia ada atau pun yang bakal dipinda, supaya mana-mana aktiviti yang boleh menyebabkan kemusnahan alam ini dapat dibendung atau dikurangkan ke tahap minima."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

19. PR-1221-U16550

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini, mengambil maklum bahawa sejak akhir-akhir ini, negara Malaysia mula dipengaruhi dengan masalah polarisasi kaum. Dan mengambil maklum bahawa sekiranya polarisasi kaum ini tidak dibendung sekarang, negara akan terjunam ke kancah ketegangan dan perpecahan kaum. Dan mengambil maklum bahawa peranan untuk mengharmonikan hubungan antara kaum di negara ini boleh dipupuk dengan berbagai cara termasuklah peranan oleh Kerajaan badan-badan bukan Kerajaan, badan-badan keagamaan dan sebagainya. Dan mengambil maklum juga bahawa usaha Kerajaan dalam menangani masalah ini boleh dipanjangkan lagi kepada badan-badan yang dimaksudkan di atas. Dan mengambil maklum juga bahawa syarikat-syarikat termasuklah agensi-agensi Kerajaan atau para majikan juga boleh memainkan peranan yang penting ke arah keharmonian kaum di negara ini, di mana sekiranya para majikan menyediakan kuota bagi pengambilan pekerja mereka di semua peringkat. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk membuat dasar-dasar atau akta meminta badan-badan yang disebutkan di atas untuk memainkan peranan dalam usaha ini dan dalam pada yang sama Kerajaan hendaklah memberikan mereka dana yang secukupnya bagi maksud ini. Maka dengan ini dewan ini hendaklah juga mengambil ketetapan untuk meminta dan memastikan majikan untuk mengamalkan pengambilan pekerja menurut pecahan kaum di negara ini."

(Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)

20. **Tuan Karpal Singh (Bukit Gelugor)** akan mencadangkan :-

Bahawa Dewan ini membincangkan kelakuan Tan Sri Zaki Tun Azmi, Ketua Hakim Negara Malaysia, dalam menyatakan tanpa sebarang syarat di Kuching pada 7hb November, 2008 bahawa apabila beliau merupakan seorang pengamal undang-undang pada tahun 1987, antara lain yang berikut:

months to be nice, to bribe each and every individual to get back into their good books before our files were attended to. That was my personal experience and I am telling this to all clerks and all the registries to stop this nonsense.+

dan kemudian menjelaskan [pada 8hb November, 2008, berkenaan laporan dalam akhbar NST bertarikh 8hb November, 2008 yang menerbitkan kata-kata di atas] seperti berikut:

%o refer to your report on page 4 of the NST headlined, %o Stop it now, corrupt court staff warned. %o
Your reporter must have interpreted what I said, which is that during that period there was corruption in order to get things done at the court registry, as myself having done it.+

Yang mana adalah jelas merupakan satu penipuan yang mengakibatkan keseluruhan badan kehakiman yang diketuai oleh beliau mendapat nama buruk.

Dan Dewan ini mengambil notis, bahawa Surat Terbuka bertarikh 16hb Disember 2008 oleh YB. Ahli Parlimen kawasan Bukit Gelugor telah memanggil kepada Tan Sri Zaki Tun Azmi untuk meletak jawatan sebagai Ketua Hakim, Malaysia atas alasan bahawa beliau telah mengakui secara umum bahawa beliau telah melakukan rasuah pada tahun 1987 tetapi sehingga kini YB. Ahli Parlimen kawasan Bukit Gelugor masih belum menerima sebarang maklum balas daripada beliau dan ini jelas menunjukkan bahawa Tan Sri Zaki Tun Azmi mengakui diri beliau adalah korup.

Dan Dewan ini memanggil Perdana Menteri untuk mengguna pakai peruntukan Perkara 125(3), Perlembagaan Persekutuan bagi tujuan merujuk Tan Sri Zaki Tun Azmi kepada satu Tribunal berdasarkan fasal 4 untuk memecat Tan Sri Zaki Tun Azmi daripada jawatan sebagai Ketua Hakim Negara atas alasan salah laku di mana beliau telah menipu secara umum.

Dan bahawa Tan Sri Zaki Tun Azmi adalah digantung kerja sebagai Ketua Hakim Negara sementara menunggu suatu laporan daripada Tribunal tersebut di bawah klausa 3.

Ahli-ahli yang Berhormat yang turut mengusulkan:-

- 2) YB Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
- 3) YB Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
- 4) YB Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)

(Cheras)

- 6) YB Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- 7) YB Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- 8) YB Tuan Kulasegaran a/l Murugeson (Ipoh Barat)
- 9) YB. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy (Batu Kawan)
- 10) YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- 11) YB DatoqNgeh Koo Ham (Beruas)
- 12) YB Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
- 13) YB Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
- 14) YB Puan Teo Nie Ching (Serdang)
- 15) YB Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- 16) YB Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
- 17) YB Tuan Manogaran a/l Marimuthu (Telok Intan)
- 18) YB Dr. Charles Santiago (Klang)
- 19) YB Tuan Jef Ooi Chuan Aun (Jelutong)
- 20) YB Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
- 21) YB Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
- 22) YB Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- 23) YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
- 24) YB Tan Sri DatoqKhalid bin Ibrahim (Bandar Tun Razak)
- 25) YB Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
- 26) YB Tuan Gobalakrisnan a/l Nagapan (Padang Serai)
- 27) YB Tuan Zulkifli bin Nordin (Kulim Bandar Baharu)
- 28) YB DatoqSeri Anwar Bin Ibrahim (Permatang Pauh)

- 30) YB Tuan Jee Keen (Selayang)
- 31) YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin (Ampang)
- 32) YB DatoqJohari Abdul (Sg. Petani)
- 33) YB DatoqDr. Zainal Abidin Ahmad (Hulu Selangor)
- 34) YB DatoqKamarul Baharin bin Abbas (Telok Kemang)
- 35) YB Puan Nurul Izzah Binti Anwar (Lembah Pantai)
- 36) YB Tuan Abdullah Sani Bin Abdul Hamid (Kuala Langat)
- 37) YB Tuan Mohd. Yusmadi Bin Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
- 38) YB Tuan Haji Nasharudin Bin Mat Isa (Bachok)
- 39) YB DatoqKamaruddin bin Jaffar (Tumpat)
- 40) YB DatoqHaji Wan Abd. Rahim Bin Wan Abdullah
(Kota Bharu)
- 41) YB Dr. Mohd. Hatta Bin Md. Ramli (Kuala Krai)
- 42) YB Dr. LoqLoqbinti Haji Mohamed Ghazali (Titiwangsa)
- 43) YB DatoqSeri Haji Abdul Hadi Bin Awang (Marang)
- 44) YB DatoqHaji Ab. Halim Bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa)
- 45) YB Dr. Dzulkefly Bin Ahmad (Kuala Selangor)
- 46) YB Dr. Siti Mariah Binti Mahmud (Kota Raja)
- 47) YB Puan Siti Zailah binti Mohd Yusof (Rantau Panjang)
- 48) YB Tuan Azan Bin Ismail (Indera Mahkota)
- 49) YB Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
- 50) YB DatoqRashid Bin Din (Merbok)
- 51) YB Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
- 52) YB Tuan Haji Ahmad Bin Kasim (Kuala Kedah)
- 53) YB Dr. Haji Mohd. Hayati Bin Othman (Pendang)

ong (Bukit Bendera)

- 55) YB Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
- 56) YB Tuan Haji Taib Azamudden Bin Md. Taib (Baling)
- 57) YB Dr. Mujahid Bin Yusof Rawa (Parit Buntar)
- 58) YB. Tuan Muhamad bin Husain (Pasir Putih)
- 59) YB. Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat)
- 60) YB. Tuan Mohd Nasir Bin Zakaria (Padang Terap)
- 61) YB. Tuan Mohd. Firdaus Bin Jaafar (Jerai)
- 62) YB. Tuan Che Uda bin Che Nik (Sik)

(Perdana Menteri)

21. PR-1221-U16591

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil maklum bahawa sejak akhir-akhir ini terdapat rungutan para majikan terutama sekali dalam sektor industri tani, perladangan dan pembuatan bahawa mereka terpaksa mengambil atau mengimport tenaga kerja daripada negara luar kerana ketiadaan tenaga kerja dari negara ini. Dan mengambil maklum bahawa dengan kebanjiran tenaga kerja dari luar negara ini, banyak masalah sosial yang timbul selain daripada masalah ketenteraman awam. Selain itu tukaran asing negara juga turut terlibat dengan pemindahan wang yang berjumlah berjuta-juta ringgit sebulan setiap kali mereka mengirimkan wang ke negara asal mereka. Dan mengambil maklum bahawa terdapat ramai kanak-kanak yang tidak bernegara (stateless kids) pemegang IMM13 dan mereka yang diberikan status penduduk tetap di negeri Sabah dan juga negara Malaysia. Mereka ini merupakan sumber tenaga buruh yang sedia ada di negara ini dan kebanyakan mereka ini tidak lagi bercadang untuk kembali ke negara asal mereka dan sekali gus tukaran asing negara tidak terjejas kerana tidak ada kiriman wang yang dibuat. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menyediakan latihan vokasional kepada mereka yang dimaksudkan di atas bagi membolehkan mereka bekerja di negara ini dan sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan negara kepada sumber tenaga kerja asing."

(Menteri Sumber Manusia)

22. PR-1221-U16629

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia memberi peluang kepada masyarakat India dan Cina menjawat jawatan di sektor perkhidmatan awam secara beramai-ramai."

(Perdana Menteri)

23. PR-1221-U16630

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk membina Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia demi memenuhi keperluan masyarakat India."

(Menteri Pelajaran)

24. PR-1221-U16698

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak supaya Kerajaan mengenal pasti dan merancang satu sistem pelupusan sisa pepejal yang terbaik, bersepadu dan mesra alam dalam kadar seberapa segera mungkin bagi membolehkan sisa pepejal dapat di kitar semula sehingga lebih 70% supaya boleh ditukar dalam berbagai produk termasuk penjaan tenaga dan 30% sisa organik lain boleh dijadikan baja kompos setelah disimpan hanya beberapa bulan di tapak pelupusan sanitari.

Cadangan ini dibuat memandangkan hampir semua negeri-negeri di seluruh negara mengalami masalah kekurangan tapak pelupusan sisa pepejal yang kemudian berkait dengan jadual kutipan sisa pepejal dan status kebersihan sekitar. Dalam masa yang sama usaha gigih perlu dibuat dalam melatih dan mendisiplinkan masyarakat melaksanakan sistem kitar semula sebagaimana yang dilaksanakan dalam negara maju bagi memudahkan pengurusan sisa pepejal di masa akan datang."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

25. PR-1221-U16702

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

nta supaya Pengajaran/Pembelajaran Sains dan
ama peringkat rendah sudah sampai masa di
tukar baik pengajarannya dalam Bahasa Ibunda masing-masing
memandangkan tahap pencapaian pelajar selepas satu kohot jelas kurang
memuaskan terutama bagi pelajar luar bandar (Desa). PPSMI yang
dilaksanakan sejak September 2002 adalah bertentangan dengan Dasar
Kebangsaan, Akta Pendidikan 1961/1986/1996, Penyata Rahman Talib,
1960, Penyata Razak, 1956 serta akta-akta lain termasuk Akta Dewan
Bahasa dan Pustaka (DBP). Oleh itu kita perlu kembali kepada dasar
yang betul iaitu Dasar Pelajaran Kebangsaan yang dibuat oleh Kerajaan
sendiri."

(Menteri Pelajaran)

26. PR-1221-U16704
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak supaya Kerajaan membina banyak lagi
empangan di hulu sungai bagi membantu mendapatkan bekalan air bersih
tanpa pencemaran yang tinggi sebagaimana amalan sekarang di mana
punca air diambil dari sungai yang sudah tercemar."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

27. PR-1221-U16710
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Malaysia supaya tidak membazir
wang yang banyak dalam menyediakan Pasukan Keselamatan yang
terlalu ramai bagi menjaga keselamatan dalam mana-mana pilihan raya
kecil bagi memastikan demokrasi berjalan lancar kerana rakyat makin
matang dan bersedia mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak
keselamatan apabila ruang dan peluang yang sama dan adil diberi
kepada parti-parti yang bertanding.
Sebaliknya bilangan Pasukan Keselamatan yang terlalu ramai boleh
mewujudkan suasana tegang, tidak selesa dan risau kepada pengundi."

(Menteri Dalam Negeri)

28. PR-1221-U16788
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan untuk mengambil pendirian
mengenai kezaliman yang sedang berlaku di Negara Palestin dan Sri
Lanka yang tidak menghormati hak asasi manusia sehingga membunuh
beribu-ribu nyawa yang tidak bersalah."

29. PR-1221-U16790

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan harus mengubahsuaikan cara koordinasi yang baru melalui penubuhan satu suruhanjaya untuk memantau kemajuan sekolah SK, SJK(C) dan SJK(T) serta pengambilan guru-guru tetap di sekolah-sekolah ini secara seimbang."

(Menteri Pelajaran)

30. PR-1221-U16990

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan setakat mana Pasukan Polis Diraja berjaya melaksanakan syor-syor Laporan Suruhanjaya Diraja, pengambilan rekrut untuk mencapai bilangan 150,000 anggota dan keberkesanan untuk menjaga keselamatan di seluruh negara."

(Menteri Dalam Negeri)

31. PR-1221-U16991

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendebatkan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menghadapi tsunami kewangan termasuk sebab musabab harga diesel, gas dan petrol tidak boleh diturunkan lagi."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)

32. PR-1221-U17074

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

(Menteri Luar Negeri)

33. PR-1221-U17085

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa bekas Menteri Luar Negeri (1999), Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar dikenakan tindakan di bawah Peraturan Tetap 13(2) dan dibawa ke Jawatankuasa Disiplin kerana berbohong di Dewan Rakyat yang mulia pada 15 Julai 1999. Pada hari tersebut ketika membentangkan Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 yang dirujuk di dalam Hansard Jilid V, Bil. 24, 15 Julai 1999, p.67 berkata:-Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan bahawa akta Suruhanjaya ini memenuhi Prinsip-prinsip Paris, Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat juga telah diberi perhatian selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Menurut laporan dan cadangan International Coordinating Committee (ICC) bertarikh 21 April 2008 di Geneva, penggubalan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 tidak berlandaskan kepada Prinsip Paris sehingga kedudukan Malaysia mungkin diturunkan dari %A+ kepada %B+.

(Perdana Menteri)

34. PR-1221-U17179

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

ini memutuskan agar setiap penduduk di Sabah mendaftar sebagai Daftar Lewat Sijil Kelahiran yang terkandung dalam Undang-undang Pendaftaran Sijil Kelahiran juga mengguna pakai Ordinan Kelahiran Sabah, Cap 123 tahun 1953 yang disatukan sebagai undang-undang sewaktu pembentukan negara Malaysia pada 16 September 1963 dalam Akta Pendaftaran Kelahiran."

(Menteri Dalam Negeri)

35. PR-1221-U17183

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan dengan ini menetapkan untuk membincang berkaitan tarikh pembentukan negara Malaysia agar perkara ini tidak lagi dipertikaikan dan tarikh tersebut dapat dicatatkan ke dalam rekod Kerajaan dan dapat dicetak ke dalam buku sejarah yang diguna dalam pendidikan sejarah di sekolah-sekolah dan pengajian tinggi."

(Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)

36. PR-1221-U17188

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan dengan ini dapat membincang dengan seriusnya mengenai kedudukan Cabotage Policy agar polisi ini tidak mengetepikan hak rakyat Sabah dalam pengangkutan perkapalan laut serta tidak membezakan harga barangan seharian bagi Semenanjung dan Sabah / Sarawak."

(Menteri Pengangkutan)

37. PR-1221-U17960

Tuan Chua Tian Chang [Batu] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak pihak Kerajaan harus menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dengan segera. Ini dapat dijelaskan melalui SUHAKAM. SUHAKAM menyatakan bahawa ISA menahan seseorang tanpa bicara bertentangan dengan deklarasi Hak Asasi Manusia. Dalam laporan dan kajian SUHAKAM mencadangkan agar akta zalim itu dimansuhkan sepertimana hasil kajian yang telah dihantar kepada Kerajaan sejak tahun 2003."

(Perdana Menteri)

Puan Chua Han Chang [Batu] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan membahaskan dan memindahkan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 (Akta 597) sepertimana ditegaskan oleh The International Coordinating Comitte (ICC) bahawa beberapa perkara tidak jelas dan mematuhi prinsip-prinsip Paris dan kemungkinan diturunkan dari status A ke B. Berdasarkan pemerhatian oleh ICC, SUHAKAM diberi tempoh sehingga April 2009 sahaja dan Kerajaan harus memberi perhatian serius untuk mempertahankan status SUHAKAM."

(Perdana Menteri)

39. PR-1221-U18080

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para Ahli Yang Berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang negara."

(Menteri Penerangan)

40. PR-1221-U18084

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan Tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan Ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

41. PR-1221-U18087

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

im [**Seputeh**] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

(Perdana Menteri)

43. PR-1221-U18093

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB. Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

(Perdana Menteri)

44. PR-1221-U18211

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi RM100 juta oleh Kementerian Pertahanan, mesti dibentangkan kepada Panel Penilaian Bebas untuk dinilai dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara, kemudian dibahaskan dalam Parlimen, demi mempertingkatkan integriti dan keberkesanan jangka panjang pembelian sistem pertahanan. Ini adalah berikutan dari kes prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara mengenai pembelian 12 unit EC-725 telah mendatangkan kesan positif dalam menjelaskan proses pembelian aset pertahanan kepada rakyat umum."

(Menteri Pertahanan)

45. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan):-

ngi Persekutuan termasuk dari segi undang-

(Perdana Menteri)

46. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan):-

±Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan, **kecuali undang-undang dan syariat Islam**, apa-apa undang-undang yang diluluskan berlawanan dengan Perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat ia berlawanan ituq

(Perdana Menteri)

47. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 11 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan):-

±Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya, **termasuk menukar agamanya kecuali bagi penganut agama Islam yang hendaklah tertakluk kepada undang-undang dan syariat Islam.**

Bagi maksud penganut agama Islam, soal kemasukan dan kemurtadan dari agama Islam hendaklah ditentukan oleh Mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa mutlak ke atasnya'.

(Perdana Menteri)

48. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

mengambil ketetapan agar Kerajaan mengambil
Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan
dipinda dengan membuang perkataan seperti berikut:-

tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan
kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan dan diganti
dengan perkataan berikut:-

**‘dan mempunyai bidang kuasa mengenai apa-apa jua kesalahan
jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan di
dalam hukum syarak’ dan undang-undang Islam termasuk
membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang
Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang
ditetapkan oleh hukum syarak dan undang-undang Islam’.**

Dan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 hendaklah
dipinda bersesuaian dengan pindaan kepada Jadual 9 Senarai 2 (1)
Perlembagaan Persekutuan seperti yang dinyatakan di atas+.

(Perdana Menteri)

49. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan
mencadangkan:-

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan
mengambil langkah memansuhkan dan menghapuskan semua amalan
dan upacara bertafakur yang diadakan di hadapan Tugu Negara dan
semua langkah yang berkesan dan efektif diambil agar anggota tentera,
polis dan lain-lain anggota beruniform tidak dipaksa dan/atau diarah
melakukan upacara dan amalan kawad hormat dan/atau bertafakur di
hadapan Tugu Negara+.

(Menteri Dalam Negeri)

50. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan
mencadangkan:-

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan
Persekutuan dengan kerjasama semua Kerajaan Negeri supaya melantik
seorang Mufti Negara sebagai Ketua bagi dan dengan kuasa dan autoriti
mengatasi kesemua Mufti-mufti dan menjadi Pengerusi bagi Majlis Fatwa

ggungjawab dan menjawab hanya kepada Yang
lis Raja-raja+.

(Perdana Menteri)

51. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan :-

%Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan masalah Palestin dan menamakan badan ini sebagai '**Jawatankuasa Caucus bagi Palestin**' dengan Perdana Menteri sendiri sebagai Pengerusi Caucus tersebut+.

(Menteri Luar Negeri)

52. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya peruntukan pembangunan berjumlah RM1,000,000-00 dan lain peruntukan yang selama ini diberikan kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional juga diberikan kepada kesemua Ahli Parlimen termasuk dari bukan Kerajaan menurut terma dan syarat sebagaimana yang diberikan kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional+.

(Menteri Kewangan)

53. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan :-

%Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal Islam dalam negara ini dengan tujuan untuk memartabatkan, memperkukuhkan dan mempertahankan hal ehwal Islam dan menamakan badan ini sebagai '**Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Islam**' dengan Perdana Menteri sendiri sebagai Pengerusi Caucus tersebut+.

(Perdana Menteri)

54. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan :-

%Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan

...ah berkaitan dengan hal ehwal masyarakat India
...emantapkan kedudukan ekonomi mereka dan
...menyerasakan permasalahan kewarganegaraan dan kad pengenalan
...mereka dan dinamakan sebagai '**Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal
Masyarakat India**' dengan Menteri Kewangan sebagai Pengerusi Caucus
tersebut+.

(Menteri Kewangan)

55. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pelajaran supaya dengan serta-merta memansuhkan pengajian mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris dan menggantikan ia dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengajian mata pelajaran tersebut+.

(Menteri Pelajaran)

56. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mengambil langkah menyiarkan dan mewajibkan siaran azan pada tiap-tiap waktu solat fardu yang lima di kesemua tempat awam tanpa sebarang sekatan dan atau halangan+.

(Menteri Penerangan)

57. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil langkah ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah supaya kesemua banduan dan tahanan yang disabit dan dikenakan hukuman penjara sepanjang hayat hendaklah dikurangkan hukuman penjara tidak melebihi 20 (dua puluh tahun) dan bagi yang telah menjalani hukuman melebihi jumlah 20 tahun tersebut (setelah ditolak cuti dan kelakuan baik) hendaklah dibebaskan dengan serta-merta+.

(Menteri Dalam Negeri)

Nordin [Kulim Bandar Baharu] akan

%Bahawa Dewan ini mengambil langkah mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan / atau mengenakan syarat kepada syarikat penerbangan Air Asia supaya kakitangan wanitanya terutama pramugari hendaklah berpakaian yang lebih sopan sekurang-kurangnya seperti pramugari Penerbangan Malaysia+.

(Menteri Pengangkutan)

59. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan / atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia dan Air Asia supaya membenarkan kakitangan wanitanya yang beragama Islam khususnya pramugari dibenarkan memakai

tudung menurut yang ditetapkan oleh hukum syarak dengan pakaian seragam yang bersesuaian sebagaimana yang telah pun dilaksanakan oleh banyak syarikat penerbangan antarabangsa lain seperti Saudi Air, Emirates Airways, Brunei Airline dan lain-lain+.

(Menteri Pengangkutan)

60. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan melarang dan/atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia supaya menghentikan penjualan arak dan lain-lain minuman keras sebagaimana yang memabukkan semasa di dalam penerbangan sebagaimana yang telah pun dilaksanakan oleh banyak syarikat penerbangan lain seperti Saudi Air, Emirates Airways, Brunei dan lain-lain+.

(Menteri Pengangkutan)

61. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

mengambil ketetapan mendesak Menteri
eri dan Hal Ehwal Pengguna melarang dan/ atau
mengenakan syarat kepada syarikat perniagaan runcit Seven-Eleven (7-
11) dilarang sama sekali daripada menjual arak dan/ atau apa-apa
minuman keras yang memabukkan serta sebarang bentuk kondom di
premisnya+.

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)

62. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri supaya dengan segera mengambil langkah membebaskan semua tahanan Akta Keselamatan Dalam negeri yang ditahan kononnya atas dakwaan terlibat dengan kegiatan militan Islam seperti Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM), Jemaah Islam Malaysia (JI), Kumpulan Al-Maunah dan lain-lain jika pihak keselamatan mempunyai apa-apa bukti dan keterangan terhadap mereka hendaklah mereka dengan segera dibawa ke hadapan sebuah Mahkamah yang berbidang kuasa untuk membicarakan mereka tanpa sebarang kelengahan lagi+.

(Menteri Dalam Negeri)

63. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri supaya dengan segera mengambil langkah membebaskan semua tahanan Akta Keselamatan Dalam negeri yang ditahan kononnya atas dakwaan terlibat dengan kegiatan militan Hindu Hindraf dan jika pihak keselamatan mempunyai apa-apa bukti dan keterangan terhadap mereka hendaklah mereka dengan segera dibawa ke hadapan sebuah Mahkamah yang berbidang kuasa untuk membicarakan mereka tanpa sebarang kelengahan lagi+.

(Menteri Dalam Negeri)

64. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya mengkaji dan melaksanakan projek membesarkan dan membaik pulih Masjid JameqBandaraya Kuala Lumpur termasuk membina mihrab dan mimbar baru yang bersesuaian, menurap keseluruhan tapak Masjid tersebut dengan marmar sebagaimana yang dibuat di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi serta memperkukuhkan



*Your complimentary
use period has ended.
Thank you for using
PDF Complete.*

[Click Here to upgrade to
Unlimited Pages and Expanded Features](#)

out agar dapat menampung jemaah untuk
amanya solat Jumaat dan kedua Aidilfitri dan
Aidiladha memandangkan pertambahan jemaah yang semakin meningkat
mutakhir ini+.

(Perdana Menteri)